

Kerjaya hilang, tetapi pilih untuk terus menjaga

Beliau berusia sekitar 40-an tahun (tidak dinamakan) – seorang ibu, seorang anak perempuan dan juga seorang penjaga.

Kerjayanya sebagai pembantu penjagaan memberinya pendapatan tetap, keyakinan diri dan rasa berguna.

Tetapi apabila kedua-dua ibu bapanya jatuh sakit – ayahnya mula mengalami demensia, ibunya penyakit kronik – pilihan hidupnya menjadi sempit.

Inilah antara profil yang ditemubual pengkaji laporan ‘Tanggungjawab Bertindih – Keperluan dan Cabaran Wanita Melayu Menjaga Tanggungan yang Lebih Muda dan Lebih Tua dalam Isi Rumah Berpendapatan Rendah’ oleh ahli akademik Universiti Nasional Singapura (NUS).

Setiap minggu, menurut Profesor Madya Dr Noor Aisha A Rahman daripada Jabatan Pengajian Melayu Fakulti Sastera & Sains Sosial, NUS, wanita itu mengurus janji temu hospital, membeli barang dapur, memastikan ubat terus dimakan, dan menenangkan amarah ayah yang keliru.

Apabila terpaksa mengambil terlalu banyak cuti, beliau akhirnya berhenti kerja.

“Siapa lagi yang nak jaga mereka?” kata wanita itu perlahan.

Beliau cuba bercuti sehari daripada menjaga ibu bapanya, tetapi rasa bersalah mengejanya.

Apatah lagi ada seorang saudara menegur: “Kalau bukan kamu, siapa lagi?”

Hari ini, kerjaya wanita itu hilang, tetapi beliau tetap tegar menjaga.

Di hujung semua kepenatan, beliau hanya berharap satu: “Agar ada ruang bernafas walaupun sedikit,” kata Profesor Dr Noor Aisha.